

Mahathir bersyukur dapat durian runtuh

KUALA LUMPUR, Ahad.— Dato Seri Dr. Mahathir Mohamed mensifatkan kemenangannya tanpa bertanding bagi jawatan Timbalan Presiden UMNO Malaysia sebagai durian runtuh. Timbalan Perdana Menteri itu berkata, beliau tidak menyangka kerana pada mulanya beberapa orang tokoh lain juga telah dicalonkan.

Ketika ditemui semasa perhimpunan agung berihat petang ini, Dato Seri Dr. Mahathir berkata, sebagai Timbalan Perdana Menteri, beliau terpaksa bertanding untuk jawatan itu. "Kalau saya kalah sedia mengundur diri kerana kita mengamalkan dasar demokrasi dalam UMNO," ujarnya.

"Alhamdulillah bersyukurlah saya ke hadirat Allah kerana telah menang tanpa bertanding."

Perjuangan

Bercakap mengenai kepimpinan UMNO, beliau berpendapat penukaran pimpinan kepada angkatan baru (muda) perlu dilakukan secara licin dan perlahan-lahan supaya segala prinsip dan perjuangan parti dapat terus dilaksanakan.

Tegasnya, kita mahu berubahnya pimpinan, tetapi prinsip dan perjuangan parti mesti dikekalkan.

Menyentuh pemilihan ahli-ahli MT, Dato Seri Dr Mahathir berkata, perwakilan telah membuat pemilihan sama seperti Kerajaan memilih menteri-menterinya.

Beliau menjelaskan, orang yang dipilih sebagai menteri tentulah mereka yang mempunyai pengaruh dalam parti dan berkebolehan.

"Nampaknya perwakilan membuat pilihan yang sama."

Ditanya pandangannya tentang keperluan orang-orang yang bukan Kerajaan duduk dalam MT, Dr. Mahathir berkata hubungan MT dengan ahli-ahli biasa UMNO cukup rapat dan sentiasa rapat termasuk di kalangan rakyat.